



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

CERPEN KARYA I.ELAVAZHAGU DARI PERSPEKTIF NILAI KEMANUSIAAN

SENTAMARAI A/P PUNUSAMY



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA (KESUSASTERAAAN TAMIL)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti nilai-nilai kemanusiaan, menganalisis unsur-unsur pengajaran dan meneliti keberkesanan dalam pembentukan sahsiah pembaca dalam cerpen-cerpen I.Elavazhagu. Analisis kajian ini tertumpu kepada 15 cerpen I.Elavazhagu yang dipilih daripada kumpulan cerpen berjudul *Maṇṇukkuc Contam* dan *Mīṭci*. Pendekatan kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks berdasarkan teori moral telah digunakan untuk menjalankan kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tujuh nilai kemanusiaan, 14 unsur pengajaran dan 13 unsur pembentukan sahsiah pembaca dalam cerpen-cerpen I.Elavazhagu. Kesimpulan kajian ini membuktikan bahawa nilai kemanusiaan sangat penting dan perlu diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Kesan positif dalam cerpen-cerpen yang dikaji boleh dijadikan teladan, panduan dan renungan bersama. Manakala kesan negatif dalam cerpen-cerpen ini boleh dijadikan teladan dan sempadan untuk berfikir secara bernas.





I.ELAVAZHAGU'S SHORT STORIES FROM HUMANISTIC PERSPECTIVE

ABSTRACT

The purpose of the research is to identify humanitarian values, analyze the lessons learnt and examine the effectiveness in the formation of the personality of the readers found in the short stories of I.Elavazhagu. This research analysis focuses on 15 short stories selected from two anthologies entitled *Maṇṇukkuc Contam* and *Mīṭci*. The qualitative approach, namely library method and text analysis method encompassing moral theory was used to carry out this research. The findings show that there are seven humanitarian values, 14 elements of lessons learnt and 13 elements of personality formation among the readers in the short stories of I.Elavazhagu. Conclusion of this study proves that humanistic values are integral part of one's everyday life. The positive effects of these short stories analyzed can be examples, guide and reflection to be followed, whereas, the negative effects portrayed in these short stories can used as examples and boundaries for brilliant thinking.



KANDUNGAN

Muka surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI TRANSLITERASI DAN TANDA DIAKRITIKAL	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.2.1 Cerpenis I.Elavazhagu	10
1.3 Permasalahan Kajian	13
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Soalan Kajian	16
1.6 Kepentingan Kajian	16
1.7 Batasan Kajian	17
1.8 Sumber Kajian	20

1.9	Definisi Konsep	21
1.9.1	Nilai	22
1.9.2	Kemanusiaan	24
1.9.3	Cerpen	26
1.10	Kesimpulan	28

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	30
2.2	Kajian-kajian Dahulu	31
2.3	Kesimpulan	47

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	50
3.2	Reka Bentuk Kajian	51
3.3	Kerangka Kajian	52
3.4	Kaedah Kajian	53
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	55
3.6	Teori Moral	56
3.6.1	Aplikasi Teori Moral dalam Cerpen-Cerpen Kajian	63
3.7	Kerangka Teori	65
3.8	Kesimpulan	66

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	68
-----	------------	----

4.2 Nilai-Nilai Kemanusiaan yang Terdapat dalam Cerpen-Cerpen I.Elavazhagu

4.2.1	Kasih Sayang	69
4.2.1.1	Kasih Sayang Terhadap Penduduk Sekampung	70
4.2.1.2	Kasih Sayang Seorang Pemimpin Politik	72
4.2.1.3	Kasih Sayang Seorang Ayah	74
4.2.1.4	Kasih Sayang Seorang Ibu	75
4.2.1.5	Kasih Sayang Anak Terhadap Keluarganya	79
4.2.2	Baik Hati	81
4.2.3	Bertanggungjawab	90
4.2.4	Keadilan	96
4.2.5	Kerajinan	99
4.2.6	Pengorbanan	102
4.2.7	Bantu-Membantu	107
4.3	Kesimpulan	111
4.4	Unsur-Unsur Pengajaran yang Terkandung dalam Cerpen-cerpen I.Elavazhagu	
4.4.1	Pengenalan	115
4.4.2	Sayang-menyayangi Sesama Manusia	118
4.4.3	Bermurah Hati Terhadap Sesama Manusia	120
4.4.4	Membantu Meringankan Beban Orang Lain	122
4.4.5	Seseorang Ketua Keluarga Mesti Bertanggungjawab Terhadap Keluarganya	125
4.4.6	Tabah Menghadapi Pelbagai Cabaran Hidup	127

4.4.7	Seseorang Ayah Haruslah Sedia Berkorban Demi Kesejahteraan Anaknya	130
4.4.8	Mencintai Negara Kita	134
4.4.9	Memberi Sumbangan Ikhlas untuk Kemajuan Masyarakat	136
4.4.10	Menepati Masa	137
4.4.11	Seseorang Ibu Haruslah Bersifat Hemah Tinggi	139
4.4.12	Menghormati Ibu bapa Kita	141
4.4.13	Mengelakkan Sikap Mementingkan Diri Sendiri	143
4.4.14	Insaf Akan Kesalahan Diri	144
4.4.15	Bersifat Tulus Ikhlas dalam Tindakan Kita	151
4.5	Kesimpulan	153
4.6	Keberkesanan Nilai-Nilai Kemanusiaan yang Terdapat dalam Cerpen-cerpen I.Elavazhagu dalam Pembentukan Sahsiah Pembaca	
4.6.1	Pengenalan	156
4.6.2	Sifat Hemah Tinggi dalam Pergaulan	158
4.6.3	Perubahan Sikap	160
4.6.4	Meningkatkan Keupayaan Diri Menyelesaikan Masalah dalam Kehidupan	161
4.6.5	Memupuk Sifat Keberanian Menghadapi Cabaran	163
4.6.6	Sifat Rela Bergorban	166
4.6.7	Saling Membantu dan Bekerjasama	168
4.6.8	Bersedia Memberi Sumbangan Ikhlas	169
4.6.9	Bersikap Sabar Menghadapi Dugaan Hidup	171
4.6.10	Memupuk Semangat Patriotik	172
4.6.11	Rajin Berusaha	174

4.6.12 Menunuaikan Tanggungjawab Terhadap Anak	176
4.6.13 Mengamalkan Sifat Budi Pekerti	177
4.6.14 Mengamalkan Sifat Bertolak Ansur dalam Rumah Tangga	179
4.7 Kesimpulan	182

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	184
5.2 Perbincangan dan Dapatan Kajian	185
5.3 Cadangan untuk Kajian Seterusnya	201
5.4 Kesimpulan	206

RUJUKAN



SENARAI JADUAL

No. Jadual

Muka surat

1.1	Senarai cerpen yang dikaji	19
4.1	Senarai nilai kemanusiaan yang terdapat dalam cerpen I.Elavazhagu yang telah dikaji	112
4.2	Bilangan nilai-nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen mengikut cerpen tertentu	113
4.3	Senarai unsur pengajaran dalam kumpulan cerpen I.Elavazhagu yang telah dikaji	155
4.4	Senarai berkaitan keberkesanan nilai-nilai kemanusiaan dalam cerpen-cerpen I.Elavazhagu dalam pembentukan sahlah pembaca	181



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
3.1 Kerangka Kajian dirangka berdasarkan Teori Moral	52
3.2 Kerangka Teoritikal Kajian Teori Moral (Mana Sikana, 2013)	62
3.3 Kerangka Teori	66



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiv

SENARAI SINGKATAN

KWSP

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



TRANSLITERASI DAN TANDA DIAKRITIKAL

Sistem transliterasi yang digunakan adalah sama seperti dalam Lexicon Tamil di Universiti Madras, Vol. VI, p.XXVIII. Berikut adalah dasar-dasar kepada transliterasi dan tanda diakritikal huruf-huruf Bahasa Tamil yang digunakan.

HURUF- HURUF VOKAL

அ : a

ஆ : ā

இ : i

ஈ : ī

உ : u

ஊ : ū

எ : e

ஏ : ē

ஐ : ai

ஒ : o

ஔ : ō

ஔ : au

HURUF-HURUF KONSONEN

க் : k

ச் : c

ட் : t

த் : t

ப் : p

ற் : r

ங் : ṅ

ஞ் : ñ

ண் : ṇ

ந் : n

ம் : m

ன் : ṇ

ய் : y

ர் : R

ல் : L

வ் : v

ழ் : l

ள் : l

HURUF-HURUF SANSKRIT

ஜ் : j

ஷ் : ś

ஹ் : h

ஸ் : s

க்ஷ் : kṣ





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Karya sastera ialah suatu bentuk karya estetik yang dapat menyentuh jiwa pembaca kerana karya sastera cepat menawan perasaan dan pemikirannya. Keindahan hasil sastera dapat memukau deria rasa dan perasaan serta mempengaruhi pandangan pendukungnya. Kesusasteraan bermula daripada tradisi lisan atau pertuturan yang dikenali sebagai sastera rakyat, kemudian berkembang kepada kemahiran menulis dan kini sastera sudah memasuki ruang siber. Perkembangan seperti ini adalah sejajar dengan kemajuan globalisasi, iaitu dunia tanpa sempadan.

Sastera ialah ungkapan peribadi manusia berupa pengalaman, pemikiran, perasaan, gagasan, semangat dan keyakinan dalam suatu bentuk gambaran konkrit yang membangkitkan kepesonaan seseorang melalui alat-alat bahasa (Sumarno dan





Saini, 1991:3). Pernyataan di atas mencerminkan bahawa manusia menggunakan karya sastra untuk mengungkapkan gagasan, pengalaman, pemikiran dan sebagainya. Karya sastra sangat efektif terhadap setiap insan yang membacanya. Selain itu, karya sastra juga meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri pembacanya.

Sastra terdiri daripada seni bahasa yang indah dan tersusun. Diksi yang digunakan dapat memberikan kesan penghayatan kepada pembaca. Seni bahasa yang indah ini mempamerkan kepakaran dan keahlian seseorang karyawan meluahkan dan mengungkapkan makna yang difikirkannya. Adunan teknik-teknik yang sesuai dan ketepatan diksi menjadikan sesebuah karya itu hidup dan bertenaga.

Selain penggunaan bahasa yang indah dan tersusun, sastra juga diiringi oleh unsur akaliah. Dalam erti kata lain, seseorang penulis perlu memikirkan perutusan, amanat atau lontaran idea yang ingin disampaikan atau dikongsi dan direnungi bersama dengan pembaca (Arba'ie et al, 2008:1). Unsur akaliah ini ialah langkah pertama yang perlu ditetapkan sebelum terhasilnya sesebuah karya.

Ketika ingin menyampaikan sesuatu perutusan, seseorang penulis perlu mengolah, menggabungkan serta melengkapkan karyanya dengan daya rasa atau sensitiviti mereka (Arba'ie et al, 2008:1). Oleh itu, seseorang pengarang haruslah bersifat sensitif atau peka dan prihatin akan masyarakatnya. Pengamatan pengarang akan masyarakatnya dijadikan sumber asas dalam menghasilkan sesebuah karya. Kewujudan pelbagai daya rasa ini akan membangkit dan meninggalkan kesan mendalam terhadap perasaan pembacanya. Daya rasa seperti belas simpati, benci, marah atau geram akan dihubungkan dengan fenomena yang dipaparkan. Karya itu





akan lebih bernilai sekiranya fenomena yang dipaparkan pernah dilalui atau dialami oleh pembaca.

Sastera juga mempunyai unsur tersurat dan tersirat. Sastera tidak terhasil daripada kekosongan (Arba'ie et al, 2008:5). Sastera terhasil atas dorongan tertentu dengan menggunakan sumber-sumber yang terdapat dalam persekitaran. Pentafsiran yang rencam mengundang pembaca memikirkan mesej yang ingin disampaikan. Namun, tidak semua lambang yang tersurat itu memberikan erti yang tersirat, sehingga wujud makna-makna simbolik di sebalik kata-kata yang diungkapkan.

Karya-karya sastera telah mencerminkan perasaan, pemikiran dan kreativiti penciptanya yang peka terhadap keperluan semasa dan keadaan persekitaran serta pengetahuan kreatif yang memang sudah sedia ada dalam diri penciptanya lantaran minat yang mendalam dalam bidang kesusasteraan. Hasil-hasil karya sudah pasti akan menyampaikan pelbagai pengajaran, amanat, persoalan, nasihat dan sebagainya untuk tatapan dan renungan para pembaca. Mesej yang hendak disampaikan oleh para pengkarya adalah berfokus kepada nilai-nilai kemanusiaan sejagat tanpa mengira sama ada pengkarya itu penulis lelaki atau perempuan.

Tradisi penerapan nilai-nilai kemanusiaan telah dimulakan melalui cerita rakyat. Dalam kesusasteraan Tamil moden, genre cerpen juga meneruskan tradisi tersebut dengan menerapkan nilai-nilai kemanusiaan. Penulisan dan penciptaan cerpen ialah satu ciptaan indah yang membicarakan sesuatu kejadian. Setiap cerpenis menghasilkan karyanya yang membawa para pembaca memahami dan mengalami sesuatu kehidupan dengan menyodorkan sesuatu situasi itu untuk renungan bersama.



1.2 Latar Belakang Kajian

Sastera ialah suatu bidang yang luas meliputi kumpulan genre puisi, novel, drama dan cerpen. Genre yang dipilih untuk kajian ini ialah cerpen. Antara hasil sastera ini, genre cerpen ialah komponen sastera moden yang paling popular. Cerpen bukan sahaja amat popular sebagai wadah sastera malah dipilih sebagai bahan pembelajaran hingga peringkat universiti. Genre-genre kesusasteraan ialah wadah yang memperlihatkan aliran pemikiran sesuatu masyarakat. Karya sastera mengemukakan pelbagai permasalahan yang terdapat dalam perjalanan kehidupan manusia yang berkaitan dengan aspek sosial dan sejarah.

Cerpen ialah akronim bagi rangkai kata cerita pendek. Cerpen ialah karya penulisan yang singkat tetapi memberikan makna yang lengkap kepada pembaca.

Cerpen ialah sastera moden yang popular sejak abad ke-19. Sesuatu cerpen lazimnya mencerminkan kehidupan sesuatu masyarakat. Hal ini digambarkan menerusi unsur-unsur tema, watak dan latar. Oleh itu, isu-isu yang dipaparkan oleh cerpen adalah sangat penting untuk menggambarkan corak kehidupan sesuatu masyarakat.

Menurut Kartigesu, R. (1979:4), kesusasteraan sastera Tamil ialah satu aliran sastera yang paling tua di dunia ini. Karya-karya Tamil yang berusia lebih daripada 2000 tahun dianggap sebagai sastera yang matang. Kaum India di negara ini menjadi waris kepada tradisi sastera yang unggul ini.

Tambahan pula, perkembangan tradisi sastera Tamil tempatan bermula sejak awal abad ke-20, selepas penghijrahan kaum India dari India Selatan ke Tanah



Melayu. Kumpulan etnik yang terbesar dalam masyarakat India ialah kaum Tamil, Telugu dan Malayalee. Data pada tahun 1921 menunjukkan bahawa sejumlah besar buruh kaum India terdiri daripada 387,509 orang Tamil, 39,986 orang Telugu dan 171,190 orang Malayalee (Mahajani Usha, 1973:103).

Migrasi kaum India pada akhir abad ke-19 telah membawa perubahan besar dalam struktur demografi masyarakat Malaysia. Semasa penjajahan Inggeris pula, kaum India ditempatkan di estet-estet getah. Kehidupan mereka yang dibeluggu kemiskinan dan kekurangan keperluan asas menjadi tumpuan dan tema dalam cerpen-cerpen Tamil. Cerpen-cerpen yang bertemakan corak kehidupan di estet dijadikan sebagai jambatan oleh penulis untuk menceburi dunia karya sastera Bahasa Tamil.



Kumpulan cerpen Tamil sulung di Malaysia berjudul *Navarasa Katai Mancharī Ivai Inia Karupitak Kataikal* dihasilkan oleh Ve.Sinniah Pillai pada tahun 1930 (Subramaniam, N. 1980:4). Seterusnya, kumpulan cerpen kedua berjudul *Kadhaisipanthikalin Kāṇṇīr* yang mengumpulkan karya AMM Ibrahim diterbitkan pada tahun 1946. Selepas satu era perkembangan yang agak lembap pada peringkat awal, cerpen-cerpen Tamil di Tanah Melayu terus mengalami zaman kegawatan pada tahun 1950-an. Namun, cerpen-cerpen Tamil mula berkembang agak pesat sejak tahun 1960-an sehingga sekarang.

Genre cerpen ialah bentuk penulisan penuh kreatif. Menurut Subramaniam, N. (1980:3), cerita pendek muncul sebagai genre baru dalam beberapa dekad yang lalu,





terutama pada abad ke-19. Pada masa itu, cerpen telah memperlihatkan perkembangan yang merangsangkan dan mantap berbanding dengan genre lain.

Selepas Perang Dunia Kedua, kebangkitan perasaan cinta terhadap bahasa, budaya dan bangsa menadi faktor utama kewujudan karya sastera kreatif Tamil di Tanah Melayu. Walaupun unsur-unsur sastera India dapat dikesan dalam hasil sastera di negara ini sejak awal pertama lagi, namun perkembangan sastera Tamil yang tulen hanya mula dengan kehadiran buruh India (Dhandayudham, 1983:114-115).

Karyawan-karyawan cerpen Tamil sudah mencapai satu identiti yang tersendiri selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Cerpen-cerpen Tamil mula mengatur langkah baru. Pada tahun 1958, satu pertubuhan penulis bernama Persatuan Penulis-penulis Bahasa Tamil Malaya telah ditubuhkan. C.V.Kuppusamy menjadi pengerusi dan S.Veluwamy pula menjadi setiausaha persatuan tersebut (Karthigesu, R. 1979:25).

Belakangan ini, bidang cerpen Tamil di Malaysia telah berkembang dengan pesat. Jika gaya cerpenis Tamil hari ini dibandingkan dengan penulis-penulis tahun 50-an, memang terdapat persamaan dari segi bentuk, gaya dan kandungannya. Cerpen-cerpen Tamil yang dihasilkan sejak awal hingga sekarang tetap berfokus kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia.

Kebanyakan karya sastera yang dihasilkan pada sekitar tahun 1960-an bermotifkan 'sastera yang berbau tanah air'. Para penulis yang disemarak dengan semangat kebangsaan berusaha menghasilkan karya bercorak Malaysia. Pada tahun





1962, Dewan Bahasa dan Pustaka menganjurkan Persidangan Penulis-penulis Malaya di Singapura. Cerpenis Tamil tempatan turut menyertai persidangan itu. Dalam persidangan itu, penulis-penulis Cina dan Tamil berpendapat bahawa sastera Malaya ialah karya-karya yang ditulis dalam sebarang bahasa yang digunakan di negara ini serta membawa ciri-ciri negara ini (Subramaniam, N.1978:4).

Seterusnya, tema-tema dalam karya sastera Tamil pada tahun 1970-an ini lebih ke arah tema sosial yang membincangkan latar kehidupan sosial masyarakat India ketika itu. Kehadiran Dhandayudham pada tahun 1970-an, sebagai seorang profesor yang mahir dalam kesusasteraan Tamil moden ke Malaysia turut membawa perubahan dan perkembangan ketara dalam kesusasteraan Tamil di Malaysia. Beliau berkhidmat sebagai pensyarah di Jabatan Pengajian India, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, di Universiti Malaya. Ketika itu, beliau telah merangsangkan minat golongan graduan dan masyarakat umum terhadap bidang penulisan Tamil lalu melahirkan banyak penulis muda yang ingin berkecimpung dalam bidang kesusasteraan Tamil. Bidang penulisan cerpen Tamil mula melangkah ke alaf baru kerana mula menerapkan idea dan teknik semasa bidang penulisan. Di samping itu, badan-badan kesusasteraan, akhbar-akhbar dan orang perseorangan turut memainkan peranan penting dalam perkembangan bidang sastera, terutama genre cerpen pada era ini.

Berdasarkan sejarah perkembangan cerpen Tamil di Malaysia, pengkaji dapat merumuskan bahawa cerpen Tamil di Malaysia berkembang dengan pesat sejak tahun 1930-an sehingga sekarang. Perkembangan media dan peranan akhbar turut membantu merangsangkan perkembangan cerpen Tamil di Malaysia. Pada mulanya, cerpen-cerpen dihasilkan berlatarbelakangkan Tamil Nadu, India yang mengutamakan tema





tuntutan kemerdekaan benua kecil India, soal cinta, peperangan, masalah sosial seperti kasta, dowry dan kemiskinan.

Terdapat beberapa faktor yang membantu perkembangan cerpen Tamil di Malaysia. Kehidupan masyarakat India yang serba kekurangan memberi dorongan kepada penulis ketika itu menggunakan wadah baru ini dalam karya sastera, iaitu cerpen, untuk memaparkan keperitaan hidup masyarakat India secara menarik dan berkesan untuk tatapan masyarakat. Selepas zaman pendudukan Jepun, hasil kebangkitan semangat nasionalisme dan perkembangan akhbar, menyebabkan penulis Tamil di Malaysia mula menghasilkan hasil sastera tulen di Malaysia. Kebanyakan cerpen pada sekitar tahun 1960-an ini, bertemakan tanah air. Selain itu, hasil penulisan cerpen-cerpen Tamil Malaysia juga membincangkan taraf hidup masyarakat India serta masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh mereka.



Menerusi cerpen-cerpennya, beliau telah mencurahkan segala pergolakan isi hatinya dan nilai kemanusiaan kepada para pembaca. Bahan yang terpilih sebagai sampel kajian ini ialah kumpulan-kumpulan yang berjudul *Manṇukkuc Contam* dan *Mīṭci* yang menghimpunkan cerpen-cerpen I.Elavazhagu. Dalam kedua-dua kumpulan tersebut, termuat sebanyak dua puluh enam buah cerpen.

Di samping itu, aspek estetik membayangkan sejauh mana keberhasilan seseorang pengarang itu. Karya-karya I.Elavazhagu yang memperlihatkan keunikan dan keindahan dari segi penggunaan perkataan menyebabkan cerpen-cerpennya diminati ramai dan meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri para pembaca. Cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh beliau mempunyai tujuan dan aspirasinya yang





tersendiri. Cerpen-cerpen beliau yang mengandungi susunan kata-kata yang indah dan mudah difahami serta padat dengan mesej-mesej dan nilai kemanusiaan dapat menyedarkan masyarakat tentang cara menangani sesuatu permasalahan dalam kehidupan seharian.

Kaedah penelitian kepustakaan telah dilaksanakan untuk mencapai objektif kajian ini. Kaedah ini akan dilaksanakan di beberapa tempat bertujuan untuk memulakan kajian peringkat pembacaan dan pengumpulan sumber-sumber yang berkaitan dengan cerpen-cerpen I.Elavazhagu. Sumber-sumber yang menjadi rujukan pengkaji ialah buku, jurnal, majalah, suratkhbar, kertas kerja dan tesis.

Seterusnya, nilai-nilai kemanusiaan yang menjadi teras kajian adalah berdasarkan senarai nilai yang terpapar dalam sukatan pelajaran untuk mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah-sekolah di negara kita. Matlamat Pendidikan Moral yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah membentuk insan yang berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global.

Sehubungan itu, nilai-nilai kemanusiaan dalam cerpen-cerpen I.Elavazhagu mempunyai persamaan dengan nilai terpapar dalam sukatan pelajaran untuk mata pelajaran Pendidikan Moral. Dalam konteks ini, nilai-nilai kemanusiaan yang semakin terhakis dalam kalangan masyarakat India perlu dicanai semula. Oleh demikian, adalah amat wajar dan sesuai, kajian nilai-nilai kemanusiaan berdasarkan kumpulan cerpen I.Elavazhagu dijalankan. Hasil karyanya mempunyai makna yang mendalam



yang perlu diselongkar dan diperhalusi kerana diselitkan mesej-mesej kemanusiaan untuk tatapan dan renungan masyarakat.

Pengkaji telah menganalisis nilai-nilai kemanusiaan di bawah aspek teori moral. Teori ini bertujuan untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang bermoral, beretika dan keperibadian mulia. Seterusnya, teori ini menitikberatkan perwatakan manusia dari segi nilai-nilai kemanusiaan seperti baik hati, kasih sayang, bertanggungjawab, keadilan, kejujuran, keberanian, kerjasama, berterima kasih dan bertolak-ansur yang memainkan peranan penting dalam kehidupan masa kini.

Kajian ini merupakan satu bahan rujukan penting yang mencerminkan nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam cerpen-cerpen I.Elavazhagu. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan untuk kajian masa depan.

1.2.1 Cerpenis I.Elavazhagu

Negara kita ialah bumi yang subur dan bertuah serta mempunyai ramai karyawan sastera yang berwibawa. I.Elavazhagu merupakan salah seorang penulis cerpen terkenal di Malaysia yang diperkenalkan oleh Persatuan Penulis-penulis Tamil Malaysia. Beliau lahir di Parit, Perak pada 20hb. November 1941. Beliau bergiat aktif selama lima puluh tiga tahun dalam bidang sastera di negara kita bermula pada tahun 1959. Hasil karya sastera beliau agak unik kerana unsur-unsur kemanusiaan ditekankan dalam setiap karya sasteranya. Kebanyakan hasil penulisan beliau yang

telah disiarkan dalam beberapa majalah dan suratkhbar harian merupakan wadah yang sangat efektif dalam mempengaruhi minda masyarakat India di Malaysia.

Cerpen-cerpen I.Elavazhagu bukan sahaja menggambarkan isu sosial, malah turut menerapkan nilai-nilai kemanusiaan dalam cerpen-cerpennya. Melalui cerpennya, beliau telah menegaskan nilai yang perlu menjadi ikutan seseorang dalam kehidupannya. Hal ini juga membuktikan bahawa beliau menulis cerpen-cerpen bukan sekadar untuk menarik hati pembaca, malah bermotif menanam nilai dan norma yang positif dalam diri pembaca. Beliau bukan sahaja mengamati isu sosial dalam kalangan masyarakat India, malah masalah-masalah sosial yang dipaparkannya dan nilai-nilai kemanusiaan yang diterapkan dalam cerpen-cerpennya juga turut mencerminkan masalah sosial dalam masyarakat moden di negara ini. Isu sosial yang dipaparkan dalam cerpennya turut mengamit masyarakat lain juga.

I.Elavazhagu ialah seorang penulis yang mendapat sanjungan yang tinggi di negara kita. Beliau melibatkan diri dalam dunia penulisan cerpen mulai tahun 1954 sehingga sekarang. Kumpulan cerpen pertama beliau adalah berjudul *Manṇukkuc Contam*, kemudian diikuti dengan kumpulan cerpen yang berjudul *Mīṭci*. Beliau juga tidak ketinggalan dalam menghasilkan sekumpulan sajak yang berjudul *Amuthum Tēṇum*. Selain sajak dan cerpen, beliau juga menghasilkan sebuah novel yang berjudul *Ilaṭciyap Pavaṇam*. Hasil usahanya berjaya membentuk dirinya sebagai seorang sasterawan.

Sepanjang pembabitan I.Elavazhagu di dalam bidang penulisannya beliau telah menerima beberapa penghargaan sama ada dalam bentuk hadiah ataupun anugerah.



Pada tahun 1966, beliau telah memenangi tempat pertama serta pingat emas dalam pertandingan cerpen yang dianjurkan oleh Tamil Murasu.

I.Elavazhagu yang kreatif dan inovatif dalam bidang menghasilkan sajak telah mendapat penghargaan menerusi sajaknya pada tahun 1967. Beliau telah menerima hadiah pertama dalam pertandingan sajak Perdana Menteri Tun Razak dan menerima gelaran sebagai *pavalar* daripada Sultan Perak pada masa itu.

Selanjutnya, pada tahun 1974, beliau telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Novel yang dianjurkan oleh Persatuan Penulis Tamil di Malaysia dan Kesatuan Pekerja Ladang Kebangsaan kali pertama. Novel berjudul *Ilatchiyap Payanam* telah memenangi tempat pertama di dalam pertandingan ini. Tambahan pula, pada tahun 1979, beliau juga mengambil bahagian dalam pertandingan sajak Kannathasan dan memenangi hadiah sebuah rantai leher berlian bernilai RM 25,000.

Oleh itu, adalah sangat wajar mengkaji cerpen-cerpen I.Elavazhagu untuk mengenal pasti nilai-nilai kemanusiaan dan unsur-unsur pengajaran yang terkandung dalam cerpen-cerpen beliau serta keberkesanan cerpen-cerpen beliau dalam pembentukan sahsiah pembaca. Kajian ini boleh dijadikan satu bahan rujukan pada kajian yang seterusnya.

